

# PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 07 Tahun 2020

## PEKELILING PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan Pekeliling Perintah Kawalan Pergerakan Warga Universiti Teknologi MARA.

### 2.0 LATAR BELAKANG

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri dan FAQ KPT (yang dikeluarkan pada 18 Mac 2020) mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara.

Justeru itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti pada 19 Mac 2020 telah memutuskan pelaksanaan kawalan pencegahan berkaitan COVID-19.

### 3.0 PELAKSANAAN

**Semua warga UiTM adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:**

#### 3.1 PENGURUSAN PELAJAR

- a. Berikutan arahan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), para pelajar UiTM termasuk pelajar antarabangsa yang masih berada di kampus (kolej kediaman, rumah sewa atau kediaman peribadi yang lain) perlu **KEKAL** berada di premis masing-masing.
- b. Ini termasuk pelajar yang telah membeli tiket perjalanan ke kampung halaman. Para pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk pulang ke kampung halaman atau negara asal masing-masing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.
- c. Pelajar hendaklah melaporkan keberadaan mereka kepada pihak Pengurusan UiTM dan tertakluk kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara.
- d. Pihak UiTM menyediakan kolej kediaman di UiTM Shah Alam dan semua kampus cawangan.

- e. Pelajar yang menginap di kolej kediaman masing-masing perlu akur dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Majlis Pengetua Kolej-kolej Kediaman.
- f. **Kebajikan pelajar**
  - i. Makanan dan minuman akan disediakan oleh UiTM (sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam) mulai 18 Mac sehingga 31 Mac 2020.
  - ii. Perkhidmatan kaunseling juga disediakan kepada semua pelajar selama tempoh perintah kawalan pergerakan.
  - iii. Perkhidmatan Kesihatan:
    - a. Pusat Kesihatan di UiTM Shah Alam dibuka mulai 8.00 pagi hingga 10.00 malam (hari bekerja)
    - b. Bagi kampus cawangan, Unit Kesihatan UiTM dibuka dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang (hari bekerja)
    - c. Selepas waktu bekerja, pelajar boleh mendapatkan bantuan daripada Staf Residen Kolej (SRK) kolej masing-masing
  - g. Polis Bantuan UiTM akan menguatkuasakan peraturan keluar masuk di pintu masuk UiTM Shah Alam dan seluruh kampus cawangan UiTM termasuk menguatkuasakan segala arahan yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 2020 dan Akta Polis 1967.
  - h. **Nombor dan pegawai yang boleh dihubungi oleh warga UiTM Shah Alam dan semua kampus cawangan untuk sebarang bantuan:**
    - i. Bilik Gerakan COVID-19 UiTM 03 5544 3528
    - ii. Ibu pejabat Polis Bantuan 03 5544 3999
    - iii. Pegawai Krisis HEP
      - Army Fahmy Mohd Fahmy 013 268 6007
      - Mohd Akmal Ridzuan Abd Rahim 019 340 1500
    - iv. Kaunselor 019 398 2720
  - i. UiTM akan memastikan keperluan asas, keselamatan dan kebajikan pelajar sepanjang keberadaan mereka di kampus.

## 3.2 PENGURUSAN WARGA KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

- 3.2.1. Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac sehingga 31 Mac 2020. Sehubungan itu, warga UiTM **dikehendaki berada di premis masing-masing dan menghadkan pergerakan** serta mematuhi Arahan terkini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membantu mengurangkan penularan jangkitan COVID-19.

3.2.2. Sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut warga dikehendaki:

- i. **SENTIASA BERADA DI RUMAH** atau **PREMIS MASING-MASING**
- ii. Menjarakkan diri dengan orang lain sekurang-kurangnya 1 meter (*Social Distancing*)
- iii. Mengamalkan kebersihan diri dengan kerap membasuh tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer*
- iv. Tidak menghadiri atau menganjurkan atau terlibat dalam mana-mana perhimpunan bagi maksud keagamaan, sukan, rekreasi, sosial atau kebudayaan
- v. Sekiranya mengalami demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas diminta memakai topeng muka (*face mask*) dan mendapatkan rawatan segera dari klinik atau hospital berhampiran
- vi. Sekiranya mempunyai kontak rapat dengan pesakit COVID-19 atau individu yang pulang dari luar negara yang berisiko atau menghadiri Perhimpunan Tabligh di Masjid Seri Petaling pada 27 Februari hingga 1 Mac 2020 diarahkan untuk **SEGERA** melakukan pemeriksaan di klinik kesihatan dan hospital berhampiran dan **DIKEHENDAKI** memaklumkan kepada Pusat Kesihatan UiTM melalui email [pusatkesihatan@uitm.edu.my](mailto:pusatkesihatan@uitm.edu.my) atau WhatsApp di talian 019 272 6949, manakala warga di UiTM Cawangan diminta memaklumkan kepada Unit Kesihatan di kampus cawangan masing-masing

3.3 UiTM mengambil berat kebajikan warga dan berusaha sebaik mungkin dalam keadaan sekarang. UiTM memohon kerjasama dan sokongan daripada semua pihak berikutan pelbagai arahan terkini yang wajib dipatuhi oleh UiTM.

#### 4.0 TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling ini dikeluarkan pada 19 Mac 2020.

#### 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 19 Mac 2020. Pemakluman terkini akan dibuat dari semasa ke semasa.

## 6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua **WARGA** Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 6.2 Semua maklumat rasmi berkenaan arahan pelaksanaan aktiviti COVID-19 adalah melalui Bilik Gerakan COVID-19 UiTM dan akan disalurkan oleh Jabatan Komunikasi UiTM.



**PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM**  
Naib Canselor

*Salinan Kepada:*  
*Semua Rektor UiTM Cawangan*  
*Semua Dekan Fakulti*  
*Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit*  
*Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail* : 100-UiTM (NC 6/2)  
*No Siri* : 100-UiTM (NC 6/2) 07